

SIARAN MEDIA

PELAKSANAAN HARI BEKERJA HIBRID SEBAGAI NORMA BAHARU PERKHIDMATAN AWAM

PUTRAJAYA, 26 JUN 2026 – Jemaah Menteri pada hari ini telah bersetuju dengan pelaksanaan **Hari Bekerja Hibrid (HBH)** sebagai norma baharu dalam Perkhidmatan Awam, berkuat kuasa mulai **1 Ogos 2026**.

HBH merupakan satu inisiatif baharu Kerajaan mengenai **pengaturan kerja yang lebih fleksibel** untuk penjawat awam tanpa mengurangkan waktu bekerja.

Melalui HBH, penjawat awam boleh bekerja **dua (2) hari di rumah atau lokasi alternatif yang diluluskan oleh Ketua Jabatan** dan **tiga (3) hari di pejabat** tertakluk kepada keperluan perkhidmatan, kesesuaian fungsi serta syarat yang ditetapkan. Penetapan HBH mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Hari Wajib ke Pejabat
Bagi negeri-negeri di mana Hari Kelepasan Mingguan (HKM) adalah hari Ahad.	Hari Isnin dan Jumaat sebagai hari kehadiran wajib ke pejabat.
Bagi negeri-negeri di mana Hari Kelepasan Mingguan (HKM) adalah hari Jumaat (Kedah, Kelantan, Terengganu).	Hari Ahad dan Khamis sebagai hari kehadiran wajib ke pejabat.

Pelaksanaan HBH tidak akan menjejaskan penyampaian perkhidmatan penting (*essential services*) Kerajaan kepada rakyat. Perkhidmatan kaunter serta fungsi yang memerlukan **kehadiran fizikal akan terus beroperasi seperti biasa**. Ini termasuk sektor keselamatan, pertahanan, pendidikan, kesihatan dan mahkamah.

Inisiatif HBH ini merupakan sebahagian daripada agenda reformasi berterusan Kerajaan dalam memodenkan Perkhidmatan Awam melalui amalan kerja yang berorientasikan hasil dan memanfaatkan teknologi digital dengan sistem pemantauan yang akan memastikan integriti, prestasi dan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat berada pada tahap terbaik. Kaedah bekerja secara hibrid turut dilaksanakan di negara seperti Singapura, Australia, Finland dan Sweden.

Pelaksanaan HBH akan menggantikan pengaturan **Bekerja Dari Rumah (BDR) Konflik Asia Barat** yang sedang berkuat kuasa. Garis panduan dan syarat pelaksanaan HBH akan dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dalam masa terdekat.

####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 26 Jun 2026
E-mel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.3 (46)